

# Petronas unggul AHIN 2024, terima pingat emas kategori Platinum

**PETALING JAYA** - Petroliam Nasional Berhad (Petronas) dinobatkan sebagai pemenang pingat emas kategori Platinum bagi Pembangunan Lestari Harta Intelek sempena Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2024.

Syarikat minyak dan gas itu berjaya membawa pulang wang tunai sebanyak RM30,000 berserta piala pusingan AHIN serta sijil penghargaan selepas menewaskan Pusat Inovasi dan Perundingan, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang masing-masing menerima pingat perak dan gangsa.

Sementara itu, majlis penganugerahan AHIN bersempena Hari Harta Intelek Negara (HHIN) 2024 itu menyaksikan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memperoleh pingat emas bagi kategori Teknologi Hijau diikuti USM (perak) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang menerima pingat gangsa.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, harta intelek merupakan asas

kepada pembangunan negara yang dipacu oleh budaya inovatif.

"AHIN merupakan pertandingan yang dibuka kepada individu, syarikat swasta, badan kerajaan, institusi pendidikan dan syarikat multinasional. Tahun ini, sebanyak 260 penyertaan telah diterima dan sebanyak lima kategori telah dipertandingkan dengan hadiah keseluruhan berjumlah RM219,600.

"Anugerah ini merupakan pengiktirafan harta intelek yang menonjolkan aspek teknologi hijau, kelestarian inovasi, kreativiti serta nilai komersial," katanya ketika berucap menyempurnakan perasmian sambutan HNIN 2024 anjuran Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), di sini pada Jumaat.

Dalam majlis itu, Markas Udara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Pangkalan Laut TLDM merangkul pingat emas manakala Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Perak dan Azuan Failani Arifin memenangi pingat perak dan gangsa bagi kategori Karya Lestari.

Pada masa sama, kategori Milenial dimenangi Politeknik Sandakan, Sabah manakala kategori Permata pula dimenangi oleh Maktab Tentera Diraja (RMC), Kuala Lumpur.

“

Sebagai penyumbang kepada ekosistem inovasi Malaysia, kami berharap untuk menghasilkan lebih banyak harta intelek yang dapat membawa kelebihan daya saing bagi memacu pertumbuhan dan transformasi negara.”



Naib Presiden Teknologi dan Pengkomersilan Kumpulan Petronas, Aadrin Azly.

## REAKSI

“

Alhamdulillah kami rangkul emas hari ini, saingan inovasi daripada politeknik lain juga sangat sengit.”



- Pensyarah Politeknik Sandakan, Ts Azhar Ambo, 42.

“

AHIN adalah platform terbaik untuk mempamerkan idea dan inovasi serta menjadi medan pemasaran efektif.”



- Wakil TLDM, Leftenan Komander Ts Chan Jun Shen, 29.